

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah rumah PR1MA yang telah disiap dibina dan berapa jumlah yang telah dimiliki.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya sebanyak 17,845 unit rumah PR1MA telah memulakan pembinaannya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 560 unit rumah PR1MA telah siap dibina iaitu di Presint 11 Putrajaya. Pemohon yang berjaya telah diserah kunci secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada bulan 7 Mac 2015.

PR1MA juga telah selesai menjalankan Majlis Undian Terbuka bagi projeknya di Nusajaya, Johor. Hasil daripada Majlis tersebut, seramai 201 orang pemohon rumah PR1MA telah berjaya. Walau bagaimanapun, projek tersebut masih berada dalam fasa pembinaan.

Tempoh pembinaan bagi rumah PR1MA adalah bergantung kepada jenis kediaman. Secara amnya, kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga (3) tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua (2) tahun.

Sekian. Terima kasih.